

Penerbit UMS menang anugerah Buku Negara

BH 23.02.2012 4

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mela-kar sejarah gemilang apabila Pe-nerbit UMS memenangi Anugerah Buku Negara 2012 bagi kategori Bu-ku Mewah Terbaik (Bergambar) menerusi buku terbarunya bertajuk *Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya Kota Kinabalu*.

Ketua Unit Penerbit UMS, Prof Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, dan penulis buku iaitu Prof Madya Dr Mahmud Sudin menerima trofi dan sijil anugerah daripada Men-teri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Mahmud yang juga Dekan Se-kolah Pertanian Lestari UMS Kam-pus Sandakan berkata, buku ber-kenaan antara lain memaparkan unsur transformasi minda ke arah

merangsang motivasi masyarakat dan memperkuuh kesarjanaan graduan.

“Ia turut menampilkan semangat patriotik, hubungan universiti dan industri serta sektor pelancongan, selain gambar busana rasmi Lem-baga Pengarah, Ahli Senat, graduan dan pasukan beruniform UMS menerusi peristiwa sepanjang tahun,” katanya di sini, semalam.

Prof Syed Azizi berkata, pihak-nya turut menerima ucapan tahniah daripada Naib Canselor UMS, Datuk Dr Kamaruzaman Ampon atas komitmen dan kejayaan peng-hasilan buku berkenaan.

“Ini adalah julung kalinya Pe-nerbit UMS menerima anugerah set-tinggi ini dan bakal menjadi pen-dorong ke arah usaha penerbitan berkualiti pada masa depan,” ka-tanya.



SYED AZIZI WAFA (kanan) dan Mahmud Sudin bersama trofi dan sijil anugerah Buku Negara 2012 yang diterima di PWTC, Kuala Lumpur.